



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KEBENARAN PERLAKSANAAN IBADAH UMRAH DAN HAJI TAHUN 1443H/2022M

Berakas, Hari Isnin, 15 Jamadilawal 1443H bersamaan 20 Disember 2021M –

1. Kementerian Hal Ehwah Ugama sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan keputusan Majlis Ugama Islam Brunei yang telah bersidang pada hari Sabtu, 06hb. Jamadilawal 1443H bersamaan 11hb. Disember 2021M mengenai Kebenaran Perlaksanaan Ibadah Umrah Dan Haji Tahun 1443H/2022M.
2. Keputusan tersebut dibuat setelah mendengar pandangan dan nasihat daripada pihak Kementerian Kesihatan iaitu dari aspek-aspek kesihatan dan juga daripada Jabatan Mufti Kerajaan dari aspek hukum syara' berhubung dengan kedudukan pelaksanaan ibadat umrah dan haji, mengambil kira keadaan suasana semasa situasi wabak COVID-19.
3. Kebenaran adalah diberikan kepada jemaah Negara Brunei Darussalam untuk melaksanakan ibadah Umrah pada masa ini dan adalah tertakluk kepada ketetapan Jawatankuasa Pandu COVID-19 di Negara ini mengenai dengan kebenaran keluar dan masuk Negara.
4. Manakala ibadah Haji pula hanya akan dibenarkan tertakluk jika ketetapan rasmi daripada Kerajaan Arab Saudi mengenainya sudah diterima, serta dengan melihat keadaan situasi terkini wabak COVID-19 pada musim Haji tersebut, disamping ketetapan Jawatankuasa Pandu COVID-19 di Negara ini mengenai dengan kebenaran keluar dan masuk Negara.
5. Sementara menunggu Kerajaan Arab Saudi memberikan sebarang ketetapan atau persyaratan berhubung kedudukan pelaksanaan ibadat Haji pada musim haji tahun 1443H/2022M itu, maka Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwah Ugama bersama agensi-agensi yang berkaitan bolehlah membuat persediaan-persediaan awal mengenainya. Adapun bilangan jemaah haji akan ditentukan kemudian, sesuai dengan pertimbangan-pertimbangan khusus terutama sekali kesediaan dan kemampuan kita dalam mengendalikan jemaah haji dari aspek perubatan dan kesihatan semasa berada di tanah suci.





6. Untuk makluman bersama, pada masa ini ada sebanyak enam (6) buah syarikat pelancongan telah diberikan kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan pakej Haji dan Umrah bagi tempoh selama tiga (3) tahun bermula tahun 1443 Hijrah hingga 1445 Hijrah. Kesemua syarikat berkenaan telah menyatakan kesediaan untuk menjalankan perkhidmatan pakej Haji dan Umrah dengan perancangan dan strategi masing-masing. Dalam hal ini, segala perancangan dan strategi yang disediakan hendaklah bukan sahaja selaras dengan ketetapan-ketetapan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi bahkan hendaklah sesuai dengan SOP-SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam mengambil kira keadaan suasana semasa situasi wabak COVID-19.

7. Syarikat pelancongan tersebut ialah:

- i. Syarikat Darussalam Holdings Sdn.Bhd.
- ii. Syarikat Straits Central Agencies Sdn.Bhd.
- iii. Syarikat Raudah Al-Amin Sdn.Bhd.
- iv. Syarikat Continental Yachting Sdn.Bhd.
- v. Syarikat Dar El-Ehsan Travel & Tours Sdn.Bhd.
- vi. Syarikat Al-Hijrah Travel & Tours Sdn.Bhd.

8. Marilah kita berdoa semoga keputusan ini akan dapat terlaksana dengan sempurnanya, demi kesejahteraan dan keselamatan pergi-balik bakal jemaah-jemaah umrah dan haji Negara Brunei Darussalam.

Sekian.

وَبِاللهِ التَّوْفِيقُ وَالهُدَى
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Bahagian Perhubungan Awam
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KHEU/BPA/PR375/Disember2021

Tarikh: 15 Jamadilawal 1443H bersamaan 20 Disember 2021M

